

Konsep Bandar Menurut Peradaban Melayu

The Concept of City in Malay Civilization

Mohd Zul Fahmi Md Bahrudin^①

¹Pegawai penganalisis, IRIS Institute.

(^①Corresponding author: fahmibahrudin@iris.institute)

ABSTRAK

Peradaban Melayu memmanifestasikan falsafah kehidupan mereka ke dalam bentuk sebuah kota. Kerajaan Melayu agraria mengutamakan ekonomi pertanian dan bertempat di sepanjang sungai. Manakala kerajaan Melayu maritim pula yang melaksanakan perdagangan di pesisiran laut. Kedua-dua jenis kerajaan dalam peradaban Melayu ini membina kota mereka berlandaskan kepada keperluan setiap kerajaan. Seni ukiran merupakan antara salah satu unsur terpenting dalam aspek estetika Peradaban Melayu. Lima jenis motif yang biasa digunakan adalah flora, fauna, kosmos, geometri dan khat. Seni ukiran ini berkonsepkan keseimbangan alam daripada aspek komposisi, pemilihan motif dan bentuk ukiran. Nilai-nilai yang diterapkan ialah penghormatan kepada sesama manusia, alam dan menyingkir sifat sombong yang diwakili dengan gaya daun yang sentiasa menunduk ke bumi. Prinsip kelestarian alam dan hubungan harmoni antara manusia dan alam diterapkan melalui pantang-larang dan adat dalam pemilihan kayu yang akan ditebang, jenis-jenis kayu dan waktu pokok boleh ditebang. Masa lapang orang Melayu pula digunakan untuk menghasilkan peralatan rumah dan keperluan harian, menghasilkan alat permainan kanak-kanak dan peralatan-peralatan lain. Kota Melayu Melaka yang merupakan model Bandar Melayu dibina berasaskan falsafah Islam tidak lari daripada memaparkan unsur-unsur keislaman dalam seni binanya. Konsep pemandaran Islam di Alam Melayu pula merujuk kepada struktur binaan bandar atau kota yang kompleks yang lengkap dalam segala aspek seperti unsur pentadbiran, ekonomi mahupun agama, seperti yang terdapat dalam pusat kota Kesultanan Melayu Melaka.

KATA KUNCI

Peradaban Melayu, bandar, Kota Melayu Melaka, keseimbangan alam, unsur keislaman

Received: Feb 27, 2021

Accepted: Apr 11, 2021

Published: May 30, 2021

ABSTRACT

As compared to other civilizations, Malay Civilization also manifests its life philosophy into the concept of city. These were performed both by the agraria Malay kingdom to prioritise its agrarian agricultural economics that was located along the river, as well as the maritime Malay kingdom which conducts maritime trade along the ocean. Both types of kingdoms in the Malay civilization build their cities based on the needs of each state. Art carving is among one of the most important elements in the aesthetic aspects of Malay Civilization. The five types of motifs commonly used are flora, fauna, cosmos, geometry and calligraphy. The art of carving has the concept of the balance of nature in terms of composition, selection of motifs and form of arts. Among the values applied is the respect for fellow human beings, nature and getting rid of the arrogant nature represented by the style of leaves that always bow to the earth. The principles of nature sustainability and harmonious relationship between man and nature are applied through taboos and customs in the selection of timber to be felled, the types of timber and when the trees can be felled. Leisure time among Malays also would be used to produce home appliances and daily necessities, also to produce children's toys and other equipment. The Malay City of Malacca is a model built on the philosophy of Melayu-Islam manifests the elements in Islamic architecture. The concept of Islam in the Malay urbanization refers to the city or town building structure complex that is complete in all respects with the administration, economics or religion, as found in the center of the Malacca Sultanate.

KEYWORD

Malay Civilization, city, Malay City of Malacca, nature sustainability, elements of Islam

1.0 Pengenalan

Definisi bandar secara umumnya telah banyak dikemukakan oleh ramai sarjana. Namun kebanyakan sarjana mengulas maksud bandar berdasarkan pengkhususan bidang masing-masing, yang memaparkan dimensi-dimensi tertentu sahaja kepada sebuah bandar. Definisi bandar boleh dikaji dan dikemukakan secara lebih holistik jika dilihat berdasarkan perubahan zaman dan tamadun. Penulisan ini melihat kepada persamaan yang wujud dalam setiap bandar besar yang pernah dibina sejak daripada zaman tamadun purba sehingga kepada zaman tamadun moden. Persamaan-persamaan ini menjadi asas kepada perbandingan dengan konsep bandar Melayu yang ingin dikemukakan dalam penulisan ini.

2.0 Definisi Bandar Menurut Bahasa

Dalam bahasa Arab, perkataan *madinah* digunakan untuk menyebut tentang bandar atau kota yang berperanan sebagai tempat perkembangan sesebuah tamadun (Mahaiyadin & Harris, 2009). Menurut Naquib al-Attas pula, istilah *madinah* membawa maksud bandar atau pekan yang mempunyai pemerintah yang memberi gambaran kehidupan peradaban, iaitu peradaban masyarakat yang bersandarkan kepada keadilan, undang-undang dan pemerintahan (Al-Attas, 1995). Perbincangan mengenai bandar ataupun *madinah* tidak boleh dipisahkan daripada peradaban Islam. Menurut William Marçais, seorang Orientalis Perancis, kehidupan bandar tidak dapat dipisahkan daripada Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad Saw. Beliau memberi contoh kewajipan mengerjakan solat fardhu Jumaat di Masjid dan biasanya berhampiran dengan pasar (pusat ekonomi) merupakan hujah yang memperlihatkan kepentingan bandar kepada orang Islam (Abu-Lughod, 1987).

Manakala dalam bahasa Melayu, perkataan *kota* yang bermaksud tempat pertahanan yang dilingkungi tembok batu atau benteng, digunakan untuk berbicara tentang bandar orang Melayu dahulu (Wiryomartono, 2013). Kota juga dikatakan sebagai sebuah bandar raya, bandar atau pekan, atau kota

besar yang menjadi tempat kediaman (Wiryomartono, 2013). Bahasa Parsi pula menggunakan perkataan *bandar* yang bermaksud bandar pelabuhan atau bandar yang terletak di pesisir laut, sepertimana Kota Melaka yang terletak di pesisiran laut dan sering didatangi oleh pedagang Parsi ketika itu (Wiryomartono, 2013).

Jika peradaban Arab, Melayu dan Parsi menggambarkan bandar sebagai sebuah tempat di mana berlakunya interaksi sosial sesama masyarakat tempatan dan juga masyarakat luar, dengan terletaknya bandar di tepi persisiran laut atau sungai, tamadun Indus dan Anatolia pula menggambarkan bandar sebagai sebuah penempatan bagi penduduk tempatan. Perkataan bandar dalam bahasa Hindi iaitu *shahar* memberi maksud kepada penempatan kekal yang berskala besar (Collins, 2020). Sama seperti bahasa Turki, *şehir* yang merupakan kata pinjaman daripada bahasa Parsi (*šahr*) yang juga bermaksud penempatan yang besar (Collins, 2020). Manakala, *kend* dalam bahasa klasik Turki juga bermaksud penempatan (Collins, 2020).

Berbeza pula dengan tamadun Rom, Greek, Cina dan Sepanyol, perkataan bandar yang digunakan menjelaskan fungsi bandar bagi setiap tamadun tersebut. Bahasa Latin menggunakan perkataan *urbs* yang merupakan kata dasar bagi perkataan *urban* yang bermaksud bandar yang dikelilingi kawasan penempatan kecil di sekitarnya atau *suburban* (Collins, 2020). Bahasa Latin juga menggunakan perkataan *civitas* yang membawa kepada kata terbitan *city-state* atau wilayah-bandar - sebuah wilayah autonomi (Collins, 2020). Sama seperti bahasa Perancis pula menggunakan perkataan *cit * yang membawa maksud yang sama (Collins, 2020).

Bahasa Greek pula menggunakan perkataan *polis*, kata dasar bagi perkataan *metropolis* yang bermaksud pusat bandar atau *global city* – sebuah bandar yang menjadi pusat pentadbiran dan pusat ekonomi (Rich & Wallace-Hadrill, 2003). Sama seperti perkataan yang digunakan oleh tamadun Cina iaitu *shi* (Collins, 2020). Bahasa Inggeris juga menggunakan perkataan *capital* yang berasal daripada perkataan Latin, *caput* yang bermaksud kepala (Collins, 2020). Bagi tamadun mereka, bandar adalah kepala atau ketua bagi sebuah negara. Bahasa Sepanyol pula menegaskan fungsi bandar sebagai pusat ekonomi dengan menggunakan perkataan *ciudad* yang bermaksud bandar yang ekonomi utamanya adalah industri dan bukan pertanian (Collins, 2020).

Setiap tamadun mencipta perkataan yang unik bagi menggambarkan bandar-bandar mereka. Pemilihan perkataan dan juga maksud sudah tentu memberi penjelasan bagaimana cara fikir dan falsafah bagi masyarakat ketika itu. Yang menariknya, perkataan tersebut masih digunakan sehingga ke hari ini. Ada sesetengah daripada perkataan yang dijelaskan tidak lagi digunakan, tetapi ada sesetengah masih lagi bertahan dan dijadikan sebagai perkataan yang diterima pakai bagi masyarakat global bagi menggambarkan tentang konsep bandar, terutama bagi perkataan yang berasal daripada bahasa Latin; *urban*, *civilisation* dan *capital*.

3.0 Konsep Bandar Menurut Peradaban Melayu

Seperti mana tamadun-tamadun lain, peradaban Melayu juga memanifestasikan falsafah kehidupan mereka ke dalam bentuk sebuah kota. Tindakan ini dilakukan oleh kedua-dua kerajaan Melayu agraria yang mengutamakan ekonomi pertanian dan bertempat di sepanjang sungai, serta kerajaan Melayu maritim yang melaksanakan perdagangan di pesisiran laut. Kedua-dua jenis kerajaan dalam peradaban Melayu ini membina kota mereka berlandaskan kepada keperluan setiap kerajaan.

Sebagai contoh, sebuah kerajaan agraria seperti Kerajaan Angkor memerlukan kepada sebuah binaan yang sangat besar dan menonjol seperti candi Angkor Wat. Sebagai sebuah kerajaan agraria yang terletak di kawasan pedalaman, mereka tidak terdedah secara langsung kepada pedagang luar. Oleh

itu, sebuah kota dengan binaan yang menonjol adalah satu keperluan bagi Kerajaan Angkor untuk mempamerkan kuasa mereka sebagai sebuah kerajaan (Hasanuddin, 2019).

Berbeza dengan kerajaan maritim seperti Kerajaan Kedah Tua, peninggalan kota mereka seperti Sungai Batu dan Lembah Bujang tidak meninggalkan sebuah tinggalan yang sangat besar dan menonjol. Hal ini disebabkan Kerajaan Kedah Tua sudah pun memiliki lokasi yang sangat strategik yang menarik tumpuan pedagang luar untuk berdagang, seterusnya menjadikan mereka sebagai salah satu kuasa besar dalam laluan perdagangan ketika itu (Hasanuddin, 2019). Kerajaan maritim seperti Kerajaan Melayu Melaka turut menunjukkan ciri-ciri yang sama.

4.0 Falsafah Melayu tentang Pemandaran

Catatan oleh Tome Pires, sejarawan Portugis telah secara jelas menggambarkan karakter orang Melayu di Melaka sebagai Muslim yang taat, kehidupan yang memudahkan dan memiliki karakter tersendiri, halus budi bahasa, sopan, menggemari muzik dan cenderung untuk saling menyayangi (Thamrin, 2017). Kesan daripada kedatangan Islam telah menjadikan kehidupan orang Melayu disusun dalam sistem dan nilai syarak. Ini dapat dilihat daripada pepatah – “adat bersendiri syarak, syarak bersendi kitabullah, syarak mengata adat memakai, ya kata syarak, benar kata adat, adat tumbuh dari syarak, syarak tumbuh dari kitabullah” (Thamrin, 2017).

Orang Melayu memiliki keupayaan memahami pergerakan alam melalui bintang, angin, warna air laut, dan rupa bentuk gelombang bagi menganalisa cuaca, posisi, lokasi dan arah (Thamrin, 2017). Unsur alam juga memainkan peranan penting dalam proses pembuatan kenderaan air orang Melayu. Teknologi mereka dihasilkan daripada sinergi hubungan rapat antara manusia dan alam (Rahimah & Hardy, 2017).

Seni ukiran merupakan antara salah satu unsur terpenting dalam aspek estetika peradaban Melayu. Lima jenis motif yang biasa digunakan adalah flora, fauna, kosmos, geometri dan khat. Seni ukiran ini berkonsepkan keseimbangan alam daripada aspek komposisi, pemilihan motif dan bentuk ukiran. Antara nilai yang diterapkan ialah penghormatan kepada sesama manusia, alam dan menyingkirkan sifat sombong yang diwakili dengan gaya daun yang sentiasa menunduk ke bumi. Secara falsafahnya, seni ukiran Melayu menekankan hubungan rapat falsafah Ketuhanan dan alam semesta yang beradun dalam kesatuan yang penuh harmoni (Saifuddin, 2000). Nilai estetika ini juga diterjemahkan dalam bandar Melayu terutama ketika era kegemilangan Kesultanan-Kesultanan Melayu.

Prinsip kelestarian alam dan hubungan harmoni antara manusia dan alam diterapkan melalui pantang-larang dan adat dalam pemilihan kayu yang akan ditebang, jenis-jenis kayu dan waktu pokok boleh ditebang. Masa lapang orang Melayu digunakan untuk menghasilkan peralatan rumah dan keperluan harian, menghasilkan alat permainan kanak-kanak dan peralatan-peralatan lain. Alatan muzik juga digunakan dalam istana untuk majlis keramaian seperti pertabalan, perkahwinan, keputeraan dan keberangkatan (Safwan & Zubir, 2018). Konsep ini juga dapat difahami melalui pembinaan bandar Melayu yang bersifat sederhana dan tidak menjejaskan alam sekelilingnya kerana kemahiran bangsa Melayu untuk beradaptasi dengan baik dengan kehidupan alam.


Masyarakat Melayu juga mempunyai pengelasan status, iaitu yang dikenali sebagai golongan kelas atasan dan golongan kelas bawahan. Keistimewaan yang dimiliki golongan kelas atasan ini hanya mampu dicapai dengan kerelaan golongan bawahan yang terpapar melalui konsep daulat dan tulah (Safwan & Zubir, 2018). Pengelasan status juga dipaparkan melalui penggunaan ‘bahasa dalam’ dan bahasa istana yang hanya digunakan oleh golongan tertentu sahaja seperti Sultan, kerabat dan pembesar (Safwan & Zubir, 2018). Masyarakat Melayu juga secara umumnya merupakan masyarakat yang tersusun, dan memiliki sistem pentadbiran dan protokol. Disebabkan dengan itu, setiap bandar

Melayu yang dibina adalah secara terancang dan tersusun, dengan binaan istana terletak di tengah bandar dan dikelilingi oleh binaan penempatan. Bandar Melayu tidak bersifat rawak tetapi terancang berdasarkan kepada fungsi yang ada pada struktur sosial masyarakat Melayu.

5.0 Model Bandar Melayu

Tome Pires telah menggambarkan kemakmuran dan kemajuan Kota Melayu Melaka telah mengatasi Venice yang merupakan kota termaju di Eropah pada masa tersebut. Portugis telah memusnahkan segala bukti peradaban Melayu Islam di Melaka. Istana, masjid, makam dan rumah-rumah pembesar telah dihancurkan untuk membangunkan kota pemerintahan Portugis di Melaka (Noor Aisyah et.al., 2013). Kota Melayu Melaka yang asal sebelum penjajahan berbentuk empat segi seperti mana kebanyakan kota di seluruh Alam Melayu (abad ke-4M sehingga abad ke-16M). Bentuk segi empat ini juga dikaitkan dengan pengaruh Islam dalam bentuk fizikal kota Melayu (Saifuddin, 2000). Ini juga dapat dilihat pada reka bentuk kota di Sungai Batu, Lembah Bujang, Ternate, Palembang dan Aceh.

Reka bentuk ini sesuai dengan falsafah di Alam Melayu yang lebih banyak menggunakan atau dikaitkan dengan bentuk empat segi yang ringkas namun cukup meliputi pelbagai aspek kemudahan dan kehidupan masyarakat Alam Melayu yang sinonim dengan sistem modular (Noor Aisyah et.al., 2013). Bentuk empat segi ini juga mudah dipantau, diselenggara dan setiap penjuru menghadap semua penjuru yang lain. Malah, pusat pentadbiran atau bangunan utama sesebuah kota dapat dibina di tengah-tengah pelan empat segi tersebut dan masih memantau semua kawasan penjuru yang lain serta berada dalam jarak selamat daripada benteng pertahanan kota selain menimbulkan rasa istimewa dan gah kepada bangunan utama di dalam kawasan kota tersebut (Noor Aisyah et.al., 2013). Prinsip menghargai dan mengalu-alukan tetamu turut diamalkan dalam pembinaan kota Melaka merupakan bukti penitikberatan prinsip ini.



Gambarajah : Kota Melaka era Portugis sebelum diperintah Belanda.


(Sumber : Livro do Estado da India Oriental, oleh Pedro Barreto de Resende, 1646; British Library, Sloane MS 197)

Gambar 5.1: Gambaran Kota Melaka oleh Portugis.




Figure 1. The picture of the building, city gate and harbor in Melaka City.
 (Source: *Twee on gelukkige scheeps-togten oost-indien van Jorge De Mello, in het Jaar 1507 en Jorge D'Aguiar, in het Jaar 1508. Beyde in het Portugys beschreven uyt de egte hand-schriften der reysigers op ordre des Konings van Portugaal door Joan de Barros Raads-Heer en History schrijver van die majesteyt.*)

Gambar 5.2: Lukisan Kota Melaka pada tahun 1507.



Gambarajah : Kota Melaka yang dilukis pada peta dunia pengembara Barat pada tahun 1510 menunjukkan dengan jelas bahawa terdapat kota batu pada geografi kedudukan Melaka setahun sebelum Portugis menyerang dan menjajah Melaka.
 (Sumber : Anonimo, Jorge Reinel; *Portvgaliae Monumenta Cartographica VolumeI-VI, Lisbon 1960*)


Gambar 5.3: Kota Melaka yang dilakar pada peta pada tahun 1510.



Gambarajah : Lukisan pertama Kota Melaka Gaspar Correia dalam atlasnya – *Lendas Da India* sekitar tahun 1512.

(Sumber : Arkib Kebangsaan Lisbon, Portugal)

Gambar 5.4: Lakaran Kota Melaka pada tahun 1512.



Gambarajah : Kota Melaka menurut sejarah China.

(Sumber : British Library dan Ming Shi)

Gambar 5.5: Kota Melaka menurut sejarawan Cina.

6.0 Komponen Penting dalam Bandar Melayu Islam

Bandar merupakan tempat di mana segala kehendak agamanya boleh dilaksanakan dengan selengkapnya (Von Gruenbaum, 1958). Dua komponen utama dalam bandar Islam adalah kewujudan masjid dan pasar. Masjid berperanan sebagai pusat keagamaan, yang mana di sebelahnya terletak bangunan pentadbiran kerajaan, istana pemerintah dan rumah pembesar. Masjid berperanan sebagai pusat agama dan politik di bandar serta menjadi tempat perkumpulan penduduk bandar untuk mendapatkan proklamasi daripada pemerintah. Masjid juga berperanan sebagai pusat intelektual yang mana ahli falsafah, pakar undang-undang, pendidik dan pelajar berkumpul (Wiryomartono, 2013).

Berhampiran dengan masjid, terdapat pasar yang menempatkan dewan perniagaan, kedai tekstil (Qaisariyya), tukang kayu, tukang kunci dan pusat memproses barangan besi. Lebih jauh dari pusat bandar, terdapat tempat membuat pelana kuda, tempat membuat bakul dan penjual bulu. Di pinggir bandar pula terdapatnya pusat industri (Wiryomartono, 2013).

Kota Melayu Melaka yang dibina berasaskan falsafah Islam tidak lari daripada memaparkan unsur-unsur keislaman dalam seni binanya. Konsep pemandaran Islam di Alam Melayu merujuk kepada struktur binaan bandar atau kota yang kompleks yang lengkap dalam segala aspek seperti unsur pentadbiran, ekonomi mahupun agama, seperti yang terdapat dalam pusat kota Kesultanan Melayu Melaka (Kamarul & Noor Aisyah, n.d). Masjid merupakan komponen yang terpenting dalam kota Melayu. Secara umumnya, masjid berbentuk empat segi dan memiliki bumbung bertingkat dan minaret. Pelan berbentuk empat segi ini sinonim dengan pelan rekabentuk masjid di seluruh dunia dengan mengambil konsep asas seperti masjid pertama yang didirikan iaitu Masjid Nabawi di Madinah dan bentuk Kaabah (Shaharudin et.al., 2010). Dalam masyarakat dan geografi penduduk Tanah Melayu, masjid biasanya dibina di kawasan terbuka yang ramai orang lalu-lalang serta berdekatan sumber air atau sungai untuk kemudahan umat Islam bersuci, berwuduk dan lain-lain aktiviti membersihkan diri sebelum beribadat.



Gambar 6.1: Masjid Kampung Hulu, Melaka yang dibina pada tahun 1728 semasa penjajahan Belanda. Belanda sebelum itu telah memusnahkan masjid yang telah dibina oleh orang Melayu.



Gambar 6.2: Masjid Tengker, Melaka yang juga dibina semasa penjajahan Belanda

7.0 Penutup

Kesimpulannya, penulisan ini telah membincangkan perihal konsep bandar secara umum berdasarkan definisi bandar secara literal menurut para sarjana. Sorotan ciri-ciri bandar mengikut tamadun merentas zaman juga dilakukan dalam penulisan ini bagi memberi gambaran mengenai kepentingan konsep bandar bagi setiap tamadun. Selain itu, penulisan ini juga telah mengusulkan konsep Bandar Melayu yang menjadi hujah kepada ciri-ciri peradaban Melayu dalam sesebuah bandar. Konsep Bandar Melayu yang diketengahkan adalah selari dengan ciri-ciri bandar Islam.

Rujukan

- Ahmad Saifuddin Abdullah, (2000). *Kajian Klasifikasi Spesis-Spesis Kayu Dalam Seni Ukiran Melayu Di Semenanjung Malaysia*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Collins Translator. (2020). Retrieved October 30, 2020, from <https://www.collinsdictionary.com/translator>.
- Hasanuddin Mohd Yusof, (2019). Dalam temu bual.
- Husni Thamrin. (2017). *Enkulturasasi dalam Kebudayaan Melayu*. Riau: UIN Sultan Syarif Kasim.
- Janet L. Abu-Lughod, 'The Islamic City--Historic Myth, Islamic Essence, and Contemporary Relevance', *International Journal of Middle East Studies*, 19.2 (1987), 155–76.
- Kamarul Afizi Kosman & Noor Aisyah Mokhtar. (n.d.). *Rough Planning of Melaka Malay City Before 1511 Based on Portuguese Sources*.
- Mohd. Hapiz Mahaiyadin and Khalijf Mu'ammara A. Harris, 'Pertembungan Tamadun Islam Dan Tamadun Barat: Di Mana Letaknya Konflik?', *Esteem Academic Journal*, 5.2 (2009), 241–55.
- Noor Aisyah Binti Mokhtar, Nik Hassan Shuhaimi Bin Nik Abdul Rahman, Kamarul Afizi Bin Kosman. (2013). *Kewujudan Kota Melayu Melaka*. Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Rahimah A. Hamid & A.S Hardy Shafii (eds.) (2017). *Akal Budi Melayu dalam Bahasa dan Sastra Modern*. Pulau Pinang: Penerbit USM.
- Rich, J. and Wallace-Hadrill, A. eds., 2003. *City and country in the ancient world* (Vol. 2). London: Routledge.
- Safwan Razali & Zubir Idris. (2018). Gambaran masyarakat Melayu tradisional dalam Syair Putera Mahkota. *Jurnal Melayu*, 17(2).
- Syed Muhammad Naquib Al-Attas. (1995). *Prolegomena to the Metaphysics of Islam: An Exposition of the Fundamental Elements of the Worldview of Islam*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).
- Shaharudin Idrus, Abdul Samad Hadi & Abdul Hadi Harman Shah. (2010). Dayahuni bandar: hubungan kaitan bentuk fizikal bandar dan dayahuni setempat. *Akademika*, 79, 24.
- Von Gruenbaum, G. E. (1958). The Muslim Town. *Ekistics*, 6(36), 110-117.
- Wiryomartono, Bagoes., (2013). Urbanism, place and culture in the Malay world: The politics of domain from pre-colonial to post-colonial era. *City, Culture and Society* 4, no. 4: 217-227.